

<p><b>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b> (Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengenai “Eco Saving Personal Accident Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini).</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD</b> (Ahli PIDM)</p> <p>(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p><b>ECO SAVING PA TAKAFUL</b></p> <p>Tarikh :</p>														
<p><b>1) Produk apakah ini?</b> Pelan ini diperkenalkan secara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan Bank Simpanan Nasional yang menyediakan perlindungan kewangan terhadap kemalangan pada bila-bila masa dan di mana sahaja di seluruh dunia.</p> <p>Sijil Takaful ini menyediakan pampasan sekiranya berlakunya kecederaan atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh keganasan, keadaan tidak sengaja dan faktor luaran yang ketara. Musibah ini mestilah disebabkan oleh kemalangan, tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan.</p>															
<p><b>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru'</b> - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</li> </ul> <p><b>Nota :</b> Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</p>															
<p><b>3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b></p>															
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Manfaat – manfaat</th> <th>Amaun Perlindungan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian Akibat Kemalangan</td> <td>25,000</td> </tr> <tr> <td>Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir</td> <td>50,000</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan</td> <td>2,000</td> </tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman</td> <td>1,000 setiap tuntutan</td> </tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian</td> <td>1,000 setiap tuntutan</td> </tr> <tr> <td>Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir</td> <td>500</td> </tr> </tbody> </table>		Manfaat – manfaat	Amaun Perlindungan (RM)	Kematian Akibat Kemalangan	25,000	Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	50,000	Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan	2,000	Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman	1,000 setiap tuntutan	Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian	1,000 setiap tuntutan	Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir	500
Manfaat – manfaat	Amaun Perlindungan (RM)														
Kematian Akibat Kemalangan	25,000														
Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	50,000														
Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan	2,000														
Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman	1,000 setiap tuntutan														
Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian	1,000 setiap tuntutan														
Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir	500														
<p>Berikut disenaraikan keterangan manfaat yang ditawarkan:</p>															
<table border="1"> <thead> <tr> <th>MANFAAT TAKAFUL</th> <th>KETERANGAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian Akibat Kemalangan</td> <td>Kematian kepada Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.</td> </tr> <tr> <td>Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir</td> <td>Sekiranya berlaku kematian akibat banjir, Amaun Perlindungan berbayar untuk kematian akan digandakan.</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan</td> <td>Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengebumian apabila kematian akibat kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi</td> </tr> </tbody> </table>		MANFAAT TAKAFUL	KETERANGAN	Kematian Akibat Kemalangan	Kematian kepada Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.	Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	Sekiranya berlaku kematian akibat banjir, Amaun Perlindungan berbayar untuk kematian akan digandakan.	Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengebumian apabila kematian akibat kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi						
MANFAAT TAKAFUL	KETERANGAN														
Kematian Akibat Kemalangan	Kematian kepada Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut. Jumlah yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.														
Indemniti Berganda untuk Kematian Akibat Banjir	Sekiranya berlaku kematian akibat banjir, Amaun Perlindungan berbayar untuk kematian akan digandakan.														
Perbelanjaan Pengebumian untuk Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah sekali gus seperti yang tertera di dalam Jadual akan dibayar untuk manfaat perbelanjaan pengebumian apabila kematian akibat kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi														

<p>Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kediaman</p>	<p>Manfaat elaun kesulitan akan dibayar sekiranya berlaku:</p> <p>Banjir kepada kediaman Orang yang Dilindungi dan Orang yang Dilindungi perlu dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, pihak Syarikat akan membayar jumlah sekali gus sebanyak RM 1,000.00 sebagai elaun kesulitan. Manfaat akan dibayar, dengan syarat salinan Kad Pengenalan Negara Malaysia (NRIC), salinan bil elektrik rumah terjejas dan surat pengesahan daripada Pejabat Daerah/JKKK/ laporan polis berkenaan rumah terjejas dikemukakan.</p> <p>Manfaat di atas akan dibayar untuk setiap kejadian banjir sehingga terhad kepada 2 tuntutan dalam tempoh Takaful.</p>
<p>Elaun Kesulitan Akibat Banjir kepada Kenderaan Bermotor Persendirian</p>	<p>Manfaat elaun kesulitan akan dibayar sekiranya berlaku:</p> <p>Kehilangan atau kerosakan kepada kenderaan bermotor persendirian (tidak termasuk motosikal dan kenderaan bermotor untuk kegunaan komersial) milik Orang yang Dilindungi disebabkan oleh banjir, pihak Syarikat akan membayar jumlah sekali gus sebanyak RM 1,000.00 sebagai elaun kesulitan. Manfaat ini akan dibayar, dengan syarat laporan polis berkenaan insiden banjir dan gambar kenderaan terjejas sebelum dan selepas kerja pembaikan dilakukan telah dikemukakan.</p> <p>Manfaat di atas akan dibayar untuk setiap kejadian banjir sehingga terhad kepada 2 tuntutan dalam tempoh Takaful.</p>
<p>Elaun Kesulitan untuk Kerugian Sepenuhnya kepada Motosikal Akibat Banjir</p>	<p>Manfaat elaun kesulitan akan dibayar sekiranya berlaku:</p> <p>Kehilangan menyeluruh kepada motosikal kepunyaan Orang yang Dilindungi akibat banjir, pihak Syarikat akan membayar jumlah sekali gus sebanyak RM500 sebagai elaun kesulitan. Manfaat ini akan dibayar, dengan syarat laporan polis berkenaan insiden banjir, gambar motosikal terjejas sebelum dan selepas kerja pembaikan telah dilakukan dan salinan invois pembaikan/ resit rasmi telah dikemukakan.</p> <p>Manfaat di atas akan dibayar untuk setiap kejadian banjir sehingga terhad kepada 2 tuntutan dalam tempoh Takaful.</p>

**Nota :** Sila rujuk skala pampasan untuk kematian di dalam Sijil Takaful. Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

**4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

<p><b>Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan (termasuk Cukai Perkhidmatan)</b></p>	<p><b>RM 60.00</b></p>
--	------------------------

**Nota:** Perlindungan hanya berkuat kuasa di luar waktu bertugas bagi kakitangan beruniform (Polis, Tentera, Bomba, dsb) dan kakitangan Kelas 4 iaitu mereka yang bekerja sebagai pekerja manual melibatkan penggunaan peralatan jentera berat dan mesin serta yang terlibat dengan pekerjaan bahaya. Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk butiran lanjut.

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful

- Cukai yang digunakan adalah tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00 (dibayar oleh pemilik Sijil Takaful Induk)

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 35% daripada Sumbangan Takaful

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?**

**Had Umur**

- 18 hingga 80 tahun (umur pada hari lahir akan datang)

**Kewajipan Pendedahan**

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

**Pampasan / tanggungan**

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian berdasarkan kepada “Skala Pampasan” yang disertakan di dalam Sijil Takaful.

**Waranti Sumbangan Takaful**

- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endosmen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful, terletak pada pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

**Lebihan**

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

**7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian yang disebabkan oleh :

- Orang Yang Dilindungi terlibat atau cubaan di dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Orang Yang Dilindungi;
- Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful ) kepada Orang Yang Dilindungi;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan oleh Kecederaan Tubuh Badan akibat kemalangan;
- Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi;

- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

**Nota:** *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

**8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami namun anda tidak layak untuk mendapat balik bayaran Sumbangan Takaful.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Eco Saving PA Takaful, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas General Berhad**  
 Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
 IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
 No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2723 9696  
 Faks : 03-2723 9998  
 Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
 Emel : [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati?**

- *IKHLAS* Takaful Kemalangan Diri Berkumpulan Takaful

**Notis Perlindungan PIDM**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

**NOTA PENTING :**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/02/2025*